

25 NOV 1997

RINGGIT SECARA KASARNYA DI BAWAH NILAI, KATA DAIM

Oleh: Michael Raj dan S. H. Yong

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Penasihat Ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin hari ini berkata ringgit yang berada di paras semasa berbanding mata wang utama dunia secara kasarnya adalah di bawah nilai dan ia pastinya bukan sama sekali satu paras yang ideal.

"Dalam konteks perdagangan dunia, kadar yang diterima haruslah berada mana kita adalah kompetitif dan mampu menjual serta membeli barangan dan perkhidmatan tanpa kehilangan kelebihan perbandingan kita," katanya kepada Bernama dalam satu temubual eksklusif.

"Ia sepatutnya berada di paras di mana ia tidak mengurangkan taraf kehidupan kita dan membenarkan orang lain mengambil kesempatan di atas kekurangan itu," katanya mengenai ringgit yang jatuh sebanyak 30 peratus kepada 3.48 berbanding dolar Amerika berikutan serangan spekulatif terhadapnya dan beberapa mata wang serantau sejak Jun lalu.

Daim berkata: "Berhubung dengan kadar pertukaran, kita masih mengekalkan sistem kadar apungan, campur tangan hanya bila benar-benar perlu. Regim itu telah banyak membantu kita sejak dahulu lagi, malangnya ia kini diuji dengan hebat."

Dengan andaian, kuasa-kuasa pasaran bebas sepatutnya sudah memainkan peranan untuk membawa ringgit kembali ke paras yang lebih munasabah, katanya.

"Hakikat bahawa ini tidak berlaku menyarankan bahawa kuasa pasaran lebih terpengaruh oleh sentimen negatif daripada fundamental itu sendiri," katanya.

"Kebanyakan pelabur asing tidak begitu menghiraukan fundamental... (keadaan) pasaran ringgit dan pasaran saham mencerminkan apa yang saya perkatakan ketika ini," kata Daim.

Sambil menyeru rakyat Malaysia meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada ekonomi negara meskipun dicengkam masalah mata wang, bekas menteri kewangan itu berkata Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah memuji Malaysia sebagai mempunyai fundamental ekonomi yang kukuh.

Malaysia juga telah disebut sebagai contoh sebagai sebuah negara membangun yang berjaya menguruskan ekonominya dengan baik dan pandangan ini turut dikongsi bersama oleh pemimpin-pemimpin dunia seperti Presiden Perancis Jacques Chirac.

Mengenai kesan ke atas sektor perbankan akibat daripada masalah-masalah mata wang dan pasaran saham itu, Daim berkata bertentangan dengan khabar angin, sistem perbankan negara ini masih mantap.

"Bank-bank di Malaysia telah meraih keuntungan baik sejak 10 tahun lalu," katanya.

"Saya tidak fikir mereka (bank) akan menanggung kerugian.... keuntungan mungkin lebih rendah, tentulah, kerana tebaran adalah lebih kecil dan pinjaman yang bermasalah akan menyebabkan peruntukan yang lebih," kata Daim.

"Sistem perbankan perlu sentiasa mantap jika kita mahu ia terus memberikan perkhidmatan baik kepada kita. Sudah pastinya akan terdapat lebih banyak pinjaman berhemat kepada sektor hartanah dan ekuiti, dengan sektor perkhidmatan dan pengeluaran terus menerima sokongan," katanya.

"Kita juga akan lebih menekankan kepada lebih banyak eksport.... sektor perbankan akan memainkan peranan penting dalam perkara ini."

Beralih kepada pengawalan ke atas dagangan mata wang yang dibangkitkan oleh Malaysia, terutamanya terhadap spekulasi dan manipulasi pasaran, Daim

berkata, ia adalah satu masalah yang sangat rumit, kerana penjualan dan pembelian mata wang tidak selari dalam pasaran modal dan komoditi.

Penukaran terlalu awal daripada satu mata wang kepada mata wang lain membuatkan urusan niaga hampir tidak dapat dikesan dan atas alasan ini, peniaga-peniaga mata wang mestilah mengisytiharkan kedudukan mereka dari masa ke semasa, kata Daim yang mengulangi sentimen yang sering kali dilahirkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak boleh berterusan dengan struktur pasaran ketika ini. Kita tidak boleh membenarkan peniaga-peniaga terus memanipulasikan pasaran," kata Daim.

Ketika Malaysia akan menyerahkan cadangan-cadangannya kepada IMF, agensi pelbagai hala itu mestilah memastikan anggotanya mematuhi peraturan bagi melindungi terutamanya mata wang negara-negara kecil.

Mengenai gesaan bagi ketelusan di kalangan bank-bank dan keperluan bagi pendedahan yang lebih besar, Daim berkata beliau lebih menyokong kepada lebih banyak pendedahan "jika maklumat terbabit mempunyai kaitan dengan keperluan khusus."

Walaupun operasi perbankan menggunakan komputer sepenuhnya, banyak masa dan wang terpaksa dihabiskan untuk menyediakan dan membaca laporan.

Bagaimanapun, beliau berkata kebanyakan maklumat itu dilindungi di bawah Akta Institusi Kewangan dan Perbankan dan tidak boleh dihebahkan kepada umum.

Maklumat yang dikumpul sebagai sebahagian daripada pelaksanaan audit ke atas setiap bank secara asasnya tidak boleh diberitahu kepada orang lain, katanya. -- BERNAMA

MR/SHY ZK MA